

فجابه فغارہ تانہ دان کالین ترغکانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706  
3100 – 3115

Fax : 09-6229887



PTG. TR. G/05/1988/06/04 (15)

21 Februari 2006

22 Muharam 1427

Pentadbir Tanah  
**KUALA TERENGGANU.**

Pentadbir Tanah  
**KEMAMAN.**

Pentadbir Tanah  
**DUNGUN.**

Pentadbir Tanah  
**BESUT.**

Pentadbir Tanah  
**HULU TERENGGANU.**

Pentadbir Tanah  
**MARANG.**

Pentadbir Tanah  
**SETIU.**

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 2/2003:**

**KETETAPAN AMAUN KOMPAUN BAGI RAYUAN  
TAWARAN UNTUK MENKOMPANUN DI BAWAH  
SUB PERENGGAN 46(2)(a) PERATURAN-PERATURAN  
TANAH TERENGGANU (P) 1966 YANG DIKATAKAN  
MELAKUKAN SATU KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN  
426 KTN 1965**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pejabat ini telah mengeluarkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 2/2003 bertarikh 11 Mac 2003 berhubung tatacara rayuan tawaran bayaran kompaun bagi kesalahan di bawah seksyen 426 KTN, 1965.

2. Walau bagaimanapun kebelakangan ini terdapat sesetengah Pejabat Tanah dalam memberi pengurangan bayaran kompaun berdasarkan budibicara masing-masing menyebabkan ia tidak seragam antara daerah walaupun jenis kesalahan yang sama.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

3. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan pertukaran pegawai atau kakitangan di Pejabat Tanah berkenaan menyebabkan mereka 'terlepas pandang' berhubung Arahan Pegarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 2/2003 ini.

4. Sehubungan itu bersama-sama ini dikembarkan semula Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 2/2003 untuk diikuti dan dipatuhi semasa menimbang rayuan bagi mengurangkan bayaran kompaun yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 426 KTN - 1965.

Sekian, terima kasih.

**“ ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI ”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**( HAJI KAMALUDIN BIN ISMAIL )**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Khidmat Pengurusan)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian

Terengganu.